

Tiga negeri diarah bersedia hadapi kemungkinan banjir

UM 23/10/2008

JKM telah diarah untuk menyediakan kemudahan tempat pemindahan sementara kepada mangsa banjir sekiranya keadaan memerlukan

SHAHRIZAT ABDUL JALIL
Menteri
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 22 Okt. – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di setiap daerah dan negeri di Perlis, Kedah serta Pulau Pinang diletakkan dalam keadaan bersiap sedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya banjir yang lebih buruk.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, JKJ telah diarah untuk menyediakan kemudahan tempat pemindahan sementara kepada mangsa banjir sekiranya keadaan benar-benar memerlukan.

“Berikutan kejadian banjir yang berlaku di beberapa daerah di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, saya telah mengarahkan semua pegawai JKJ di daerah dan negeri untuk bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlakunya banjir yang lebih teruk dan memerlukan tempat pemindahan sementara,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Hampir 1,000 penduduk di daerah Pendang, Kubang Pasu dan Pokok Sena, Kedah serta 10 kampung di Arau, Perlis terjejas persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri akibat banjir yang melanda daerah itu sejak malam tadi.

Berikutan kejadian itu, pihak polis, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) malam tadi melancarkan operasi memindahkan mangsa yang terperangkap dalam banjir akibat hujan yang berlarutan sejak dua hari lalu.

Mereka dipindahkan ke rumah keluarga dan jiran yang berdekatan kerana tiada pusat pemindahan ditubuhkan setakat ini.

Bagaimanapun, menurut Shahrizat, pihaknya dimaklumkan keadaan di kawasan berkenaan masih terkawal.

“Namun jika keadaan memerlukan, JKJ akan segera menyediakan bantuan berbentuk keperluan asas seperti makanan, pakaian dan pusat pemindahan sementara,” katanya.



AZMI Ahmad dan ahli keluarganya mengangkat sofa ke tempat lebih tinggi selepas rumahnya di Kampung Katong, Arau dilanda banjir kilat semalam.